

HUBUNGI SKUAD TEMERLOH: ROSILAWATI ROSEDI - 019-9886381 / 019-9882695

Teroka khidmat jaga warga emas

**Malaysia
diiktiraf antara
negara yang
sesuai didiami
pesara**

ROSILAWATI ROSEDI

LIPIS

Perkhidmatan penjagaan warga emas dilihat antara sektor berpotensi untuk diterokai di negara ini.

Melihat kepada perkembangan itu, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) menggalakkan koperasi pesara kerajaan untuk menceburinya.

Presidennya, Datuk

Abdul Fattah Abdullah berkata, koperasi pesara kerajaan dilihat sesuai untuk menawarkan perkhidmatan tersebut memandangkan Malaysia diiktiraf antara negara yang sesuai didiami golongan pesara.

Menurutnya, Malaysia berpotensi menjadi pilihan pesara dari seluruh dunia memandangkan kos sara hidup yang rendah, dilengkapi pelbagai kemudahan selain kemakmuran di Malaysia.

"Antara aktiviti perniagaan yang boleh diceburi tersebut ialah dengan menubuhkan pusat jagaan warga emas, produk kesihatan dan pelancongan serta banyak lagi produk yang boleh diteroka.

"Sehingga kini memang terdapat sebuah syarikat iaitu Noblehome dari luar



Abdul Fattah (tengah) bergambar kenangan bersama sebahagian ahli koperasi yang hadir.

negara iaitu yang mempunyai kepakaran penjagaan warga emas datang berbin-cang dengan kita untuk tujuan ini.

"Malaysia dikenal pasti ada potensi untuk menyediakan perkhidmatan kepada pesara dari luar negara yang mahu pencen dan duduk di Malaysia selain

peningkatan jumlah penduduk berusia 60 tahun yang mewakili 15 peratus populasi keseluruhan negara menjelang 2030," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang media selepas merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Pesara

Kerajaan Malaysia (PPKM) Cawangan Lipis di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, di sini semalam.

Hadir sama, Timbalan Yang Dipertua Persatuan Pesara Kerajaan Malaysia (PPKM) negeri, Datuk Yidris Abdullah.

Dalam pada itu, Abdul Fattah berkata, setakat ini

info

Penduduk berusia 60 tahun meningkat dan mewakili 15 peratus populasi keseluruhan negara menjelang 2030

terdapat 14,100 koperasi berdaftar di seluruh negara iaitu 150 adalah koperasi pesara kerajaan yang disertai 700,000 pesara kerajaan sebagai ahli.

"Saya saran persatuan-persatuan pesara, kalau boleh untuk gerakan yang lebih berkesan eloknya tujukan koperasi sebagai platform yang mana ia baik untuk meningkatkan perkhidmatan supaya mereka (persatuan) itu boleh berdaya tahan dari segi kewangan," katanya.